



PERANAN SULH DALAM MENGATASI PERCERAIAN DAN  
KRISIS RUMAH TANGGA : KAJIAN DI MAHKAMAH SYARI'AH  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Oleh

A B D .   R A Z A K   B I N   M A T   N A Y A N

Kertas projek ini adalah sebahagian  
daripada keperluan kursus Diploma Undang-undang  
dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ)  
sesi 1993/94

KULLIYYAH UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA  
PETALING JAYA

JUN 1994

**Dedikasi :**

Buat guru-guru yang mencurah ilmu kehidupan

Kedua ayahanda dan nenda yang membimbing kehidupan

Isteri tersayang yang menyinari hidup

Kakak dan adik-adik yang membina kehidupan ...

## **Penghargaan**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah swt. di atas limpah rahmat dan petunjuknya yang memberikan ketabahan dan keyakinan kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini sebagai sebahagian dari keperluan dalam kursus Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam dari Kuliyah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa sessi 1993/94. Semoga Allah juga memberikan keberkatanNya terhadap usaha penulis ini.

Pada kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi- tinggi penghargaan dan rasa terima kasih kepada pensyarah dan penyelia bagi kertas projek ini, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Mahmud Saedon Awang Othman di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau. Bukan sahaja dalam menjalankan latihan ini malah sepanjang penulis mengikuti kursus ini. Nasihat serta bimbingan yang diberikan oleh beliau amat penulis hargai sepanjang hayat.

Tidak dilupakan juga, penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Abdullah Abu Bakar yang sudi mengelolakan sebahagian daripada urusan penulisan kajian ini. Tanpa sokongan dan keprihatinan beliau terhadap penulian ini sudah tentu akan membebangkan penulis untuk menyiapkan kajian ini.

Penulis juga dalam kesempatan ini ingin merakam rasa amat terhutang budi kepada seluruh anggota keluarga penulis terutama kedua-dua ayahanda, serta nenda, kakak dan adik-adik yang banyak memberikan semangat dan dorongan kepada penulis. Buat isteri, ingin penulis luahkan rasa terima kasih yang tidak terhingga di atas sumbangan dan pengorbanannya membantu penulis selama dalam pengajian dan penulis kajian ini.

Tidak ketinggalan juga ucapan penghargaan dan terima kasih penulis kepada seluruh pensyarah bagi kursus ini yang telah banyak mencerahkan pengetahuan dan abakti kepada penulis sepanjang penulis menuntut di gedung ilmu ini. Semoga segala bakti dan usaha yang disumbangkan oleh mereka diberkati Allah swt.

Penulis juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung semasa penulis menjalankan kajian ini. Penghargaan ini khas ditujukan kepada Yang Berbahagia Ustaz Husin bin Harun, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendakwaan dan Pencegahan JAINS, Ustaz Jepri bin Bohari, Timbalan Pendaftar Mahkamah Syariah Seremban dan Puan Ruziyatun Abd. Kadir, Penolong Pegawai Kebajikan Wanita Seremban. Kerjasama yang mereka berikan semasa kajian ini amat bermakna kepada penulis mengenai perlaksanaan suhu di Negeri Sembilan.

Akhir sekali ingin juga penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada En. Fuzi dan isteri yang banyak membantu penulis untuk menyusun dan menulis kajian ini.

Salam hormat dari penulis :-

**Abdul Razak bin Mat Nayan**

No. 10, Rumah Rakyat Rasah,

KM 8.8, Mambau,

70300 Seremban,

Negeri Sembilan Darul Khusus.

**4 Muharam 1415**

14 Jun 1994

## **ABSTRAK**

Kajian kertas projek yang bertajuk " Peranan suhu dalam mengatasi perceraian dan krisis rumah tangga " (Kajian di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus)." Secara ringkas, kajian latihan Ilmiah ini dibahagikan kepada lima bab. Bab Pertama kajian ini adalah merupakan pengenalan kepada kaitan rumah tangga dan perkahwinan. Bab ini akan cuba memperlihatkan tentang pentingnya rumah tangga dan perkahwinan kepada manusia. Ia juga akan cuba menyingkap peranan dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh pihak-pihak dalam perkahwinan.

Seterusnya bab kedua akan cuba dipertonjolkan mengenai permasalahan krisis rumah tangga. Dalam bab ini akan diperkatakan tentang punca-punca timbulnya krisis rumah tangga, cara penyelesaiannya dan tindakan-tindakan yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak dalam perkahwinan itu. Penulis juga akan cuba menjelaskan peringkat-peringkat tindakan damai yang perlu bagi mengatasi krisis dan mengelakkan perceraian.

Penulis pula akan cuba membentangkan prinsip-prinsip asa secara ringkas mengenai suhu menurut pandangan Islam dalam bab ketiga. Bab ini akan cuba diperlihatkan mengenai pensyariatan dan perlaksanaan suhu berdasarkan syarak. Bentuk serta peringkat-peringkat perlaksanaan suhu juga akan cuba diketengahkan bagi dijadikan asas perbincangan selanjutnya. Selain dari itu beberapa isu lain akan cuba dikaitkan dengan suhu seperti Institusi Tahkim dan bentuknya bagi memperlihatkan kepentingan kajian ini.

Bab keempat pula akan hanya cuba memperkatakan hasil kajian terhadap peranan suhu dalam mengatasi perceraian dan krisis rumah tangga di Negeri Sembilan. Pendekatan kepada hanya membincangkan hasil kajian adalah berdasarkan kepada tinjauan terhadap peruntukan Undang-Undang yang ada serta perlaksanaan kesan suhu yang diparkitikan di Mahkamah. Bab ini juga akan cuba menyingkap secara ringkas permasalahan yang timbul dalam peranan suhu dan kesannya di Negeri Sembilan.

Dalam bab kelima pula, penulis akan cuba merumus secara ringkas hasil kajian yang dilakukan. Berdasarkan hasil itu juga penulis akan cuba memperkatakan tentang permasalahan yang timbul serta saranan yang difikirkan dapat meningkatkan peranan suhu di Negeri Sembilan. Sebagai penutup penulis hanya akan menyentuh kepada memastikan kejayaan suhu.

## **Daftar Kata**

Dedikasi	i
Penghargaan	ii
Abstrak	v
Daftar Kata	vii
<b>Bab I - Rumah Tangga Dan Perkahwinan</b>	<b>1</b>
1.1      Muqadimah	1
1.2      Tujuan Perkahwinan	2
1.2.1      Menyambung Keturunan	3
1.2.2      Memelihara Rohani Dan Jasmani	5
1.2.3      Menanam Rasa Tanggung Jawab	7
1.3      Hak Dan Tanggung Jawab Suami Isteri	9
1.3.1      Hak Dan Tanggung Jawab Suami	9
1.3.2      Hak Dan Tanggung Jawab Isteri	16
1.3.3      Hak Dan Tanggungjawab Bersama	
<b>Bab II - Krisis Rumah Tangga Dan Penyelesaiannya</b>	<b>34</b>
2.1      Punca Krisis Dan cara Penyelesaian	34
2.1.1      Nusyuz	36
2.1.2      Nusyuz Pihak Isteri	37
2.1.2.1      Mengatasi Nusyuz Isteri	39
2.1.2.1a      Menasihati	40
2.1.2.1b      Pemulauan Tempat Tidur	41
2.1.2.1c      Memukul	42
2.1.2.1d      Pendamaian (Sulh)	44
2.1.3      Kebencian Dan Pengabaian	45
2.1.3.1      Mengatasi Kebencian Dan Pengabaian	47
2.2      Pertelingkahan/Syiqaq	49
2.2.1      Mengatasi Syiqaq	50

<b>Bab III - Suhu Menurut Islam</b>	<b>56</b>
3.1 Perdamaian Dalam Islam	56
3.2 Pelaksanaan Suhu Menurut Islam	57
3.3 Institusi Tahkim	62
3.3.1 Dalil Pensyariatan Tahkim	63
3.3.2 Syarat Hakam	66
3.3.3 Keputusan Hakam	68
3.4 Suhu Dalam Menangani Krisis Rumah Tangga	70
<b>Bab IV - Peranan Suhu Dalam Mengatasi Perceraian Dan Krisis Rumah Tangga Di Negeri Sembilan</b>	<b>76</b>
4.1 Peruntukan Undang-Undang	76
4.1.1 Jawatankuasa Pendamai	76
4.1.2 Hakam	81
4.1.3 Unit Kaunseling	83
4.2 Perlaksanaan Suhu Dan Kesananya	86
<b>Bab V - Penutup</b>	<b>92</b>
5.1 Rumusan	92
5.2 Saranan	93
5.3 Penutup	95
<b>Bibliografi</b>	<b>97</b>

# Bab I

## Rumah Tangga Dan Perkahwinan

### 1.1 Muqadimah

Rumah tangga boleh dikatakan sebuah institusi yang terbentuk di atas sebuah perkahwinan di antara lelaki dan perempuan. Rumah tangga juga adalah merupakan satu perkongsian hidup yang mengikat suami isteri dalam sesuatu kehidupan yang tersendiri dalam membentuk sebuah keluarga. Sememangnya pasangan yang mendirikan rumah tangga pada kebiasaannya akan mengharapkan perkongsian hidup mereka akan menghasilkan sebuah keluarga yang bahagia dan mencapai matlamat perkahwinan itu sendiri. Bagaimana pun, tidak semua perkahwinan itu membawaikan keluarga yang bahagia dan berkekalan seperti yang diharapkan. Malah terdapat rumah tangga yang berakhir dengan perceraian sentiasa berada di dalam keadaan kucar kacir yang berpunca dari berbagai krisi yang timbul dalam rumah tangga tersebut.

Krisis atau pergeseran dalam rumah tangga sememangnya tidak dapat dielakkan. Ini adalah kerana rumah tangga terbina dari dua pihak yang mempunyai sifat yang berlainan antara satu sama lain. Walaupun pada dasarnya perkahwinan memerlukan kepada persefahaman dan kerjasama antara kedua-dua pihak, namun apabila sifat-sifat yang berlainan antara lelaki dan perempuan ini tidak dapat disesiaraskan maka akan timbul berbagai masalah yang akan membabitkan rumah tangga itu secara langsung dan seterusnya mencetuskan krisis. Tanpa jalan penyelesaian yang segera atau tanpa adanya tindak tanduk yang seujarnya diambil,

rumah tangga yang mengalami krisis boleh mengakibatkan kepada keretakan rumah tangga dan seterusnya menyebabkan perceraian.

Dalam mengatasi krisis ini dan mengelak perceraian adalah perlu untuk melihat beberapa perkara yang berkaitan dengan perkahwinan dari scgi tujuan perkahwinan, tanggungjawab pihak-pihak dalam rumah tangga serta langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi krisis tesis tersebut.

## 1.2 Tujuan Perkahwinan

Perkahwinan bukanlah merupakan keperluan kepada manusia yang ingin hidup berpasangan semata-mata malah penyatuan kepada lelaki dan perempuan, jantan dan betina adalah merupakan hukum Tabic atau Sunnah Allah dalam kehidupan di alam semesta ini. Allah telah menjadikan hidup ini berpasangan yang memerlukan antara satu sama lain. Setiap kejadian seperti siang dan malam , pagi dan petang serta setiap makhluk ciptaan Allah ini ada pasangannya masing-masing supaya dapat hidup bersama dan membiak<sup>(1)</sup>. Firman Allah, bermaksud :

*Dan segala sesuatu kami ciptakan berpasangan supaya kamu mengingati (kebesaran Allah).<sup>(2)</sup>*

Ayat ini menunjukkan betapa kebesaran dan keagungan Allah Yang Maha Bijaksana menjadikan segala sesuatu itu berfaedah dan berpasangan. Ini juga menjelaskan betapa eratnya prinsip hidup berpasangan dengan sistem alam secara universal. Malah Allah telah menjelaskan keperluan makhluk kepada hidup

berpasangan. Keperluan berpasangan ini akan menentukan kesinambungan hidupnya kerana ia tidak boleh hidup bersendirian untuk terus menaik dan berkembang. Firmannya, bermaksud :

*Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan, baik dari sesuatu yang ditumbuhkan oleh Kami dan dari diri mereka mahu pun dari sesuatu yang tidak mereka ketahui.<sup>(3)</sup>*

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa makhluk ciptaan Allah ini semua memerlukan pasangan, kerana tanpa pasangan ia tidak boleh hidup berterusan bersendirian. Tanpa pasangan kehidupan akan menjadi pincang dan akan membawa kepupusannya.<sup>(4)</sup>.

Di dalam Islam perkahwinan merupakan satu ibadat yang digalakkan. Antara sebabnya ialah perkahwinan merupakan asas pertama kepada pembentukan keluarga dan masyarakat Islam.<sup>(5)</sup> Oleh yang demikian Islam telah menekankan beberapa aspek yang menjadi tujuan dalam perkahwinan. Antara tujuan-tujuan perkahwinan yang diaturkan oleh Islam adalah seperti berikut :

### 1.2.1 Menyambung Keturunan

Perkahwinan adalah merupakan satu cara yang dapat diterimakan oleh Islam untuk terus mengekalkan keturunan . Allah S.W.T telah mensyariatkan undang-undang bagi mengatur kehidupan serta menjalinkan tali persaudaraan yang didasarkan di atas perasaan kasih sayang dan menyintai sesama manusia , di antara

lelaki dan perempuan di dalam ikatan perkahwinan.<sup>(6)</sup> Ikatan ini seterusnya akan membawa kepada pembentukan keluarga yang dapat menghasilkan zuriat. Firman Allah :

*"Wahai umat manusia ! Takutlah kepada Allah yang telah mencipta kamu dan diri (jenis) yang satu dan menjadikan isteri daripadanya, kemudiannya dari keduanya berkembang biak lelaki dan perempuan yang ramai."*<sup>(7)</sup>

Rasullullah s.a.w. juga menggalakkkan perkahwinan serta mengembangkan keturunan seperti mana sabda baginda :

*"Berkahwinlah kamu dan beranak pinaklah"*

Penekanan Islam terhadap perkahwinan untuk menyambung zuriat adalah kerana Islam mengiktiraf zuriat-zuriat yang dihasilkan dalam perkahwinan. Perkahwinan akan dapat menentukan asal keturunan yang sah seorang. Perkahwinan juga adalah merupakan satu cara untuk menyusun dan menghalalkan perhubungan jenis yang menjadi tuntutan kehidupan manusia mengikut lunas-lunas Islam<sup>(8)</sup>. Allah S.W.T telah menegaskan keadaan ini dalam firmanNya :

*" Mereka (para isteri) adalah merupakan pakaian bagi kamu (para suami) sedang kamu pula adalah merupakan pakaian bagi mereka"*<sup>(9)</sup>

Seterusnya dengan adanya hubungan yang wujud diantara suami isteri ini akan melahirkan keturunan dan menyambung zuriat mereka disamping dapat memenuhi kehendak naluri mereka. Allah telah mengiktiraf perhubungan ini dengan firmanNya :

*" Dan Allah telah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari bangsa kamu sendiri dan Dia menjadikan dari isteri-isteri kamu anak cucu bagi kamu dan Dia memberi kamu rezeki yang baik-baik"*<sup>(10)</sup>

### 1.2.2. Memelihara Rohani Dan Jasmani

Perkahwinan juga dapat mengawal corak kehidupan pasangan suami isteri dari segi rohani dan jasmani. Ini adalah kerana dalam perkahwinan akan mewujudkan perasaan kasih sayang dan saling menyintai di antara suami dan isteri. Sebagai manusia kewujudan perasaan ini perlu bagi memenuhi kehendak fitrah manusia itu sendiri. Suami isteri yang mendukung sebuah perkahwinan akan dapat meluahkan perasaan masing-masing antara satu sama lain yang akan mewujudkan suasana tenteram dalam diri mereka. Walaupun bolch dikatakan bahawa seseorang itu dapat memperolehi kasih sayang ini dari orang lain, tetapi perasaan yang tumbuh di dalam sesuatu perkahwinan adalah lebih kukuh dan mendalam. Allah telah menegaskan peranan perkahwinan dalam menangani keperluan rohani dan jasmani manusia, firmanNya;

*" Dan diantara tanda-tanda kebersaranNya , Allah telah menjadikan untukmu isteri-isteri dari jenis kamu sendiri. Supaya merasa cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan Dia menjadikan diantara kamu rasa cinta dan kasih sayang"*<sup>(11)</sup>

Ini jelas menunjukkan bahawa pasangan yang mendirikan rumah tangga memerlukan antara satu sama lain dalam memelihara keperluan rohani mereka iaitu meliputi kasih sayang, ketenteraman jiwa dan ketenangan fikiran kerana dalam perkahwinan pasangan suami isteri akan sering bertukar fikiran, saling menasihati

dan sentiasa mencurahkan perasaan kasih sayang mereka.<sup>(12)</sup> Ini juga secara langsung akan dapat mengawal setiap pihak dalam perkahwinan dari menyalurkan perasaan dan tingkah laku mereka ke jalan kemaksiatan. Firman Allah lagi :

*" Dialah (Allah) yang mejadikan kamu dari diri yang yang satu dan menjadikan dari jenis itu (sebagai) isterinya supaya dapat merasa tenteram kepadanya."*<sup>(13)</sup>

Dengan terpeliharanya naluri kehidupan pasangan dari segi rohani dan jasmani maka masyarakat juga akan sentiasa terpelihara dari ancaman keruntuhan dan kepincangan. Bagi menjamin pemeliharaan terhadap rohani dan jasmani dalam perkahwinan, Islam menitikberatkan peranan isteri sebagai tulang belakang kepada pembentukan rumah tangga yang harmoni. Saranan Rasulullah s.a.w. dalam pemilihan isteri seperti mana sabda baginda :

*" Sebaik-baik perempuan (isteri) ialah isteri apabila kamu memandangnya ia menyukakan hati kamu, apabila kamu menyuruhnya ia taat kepada kamu dan apabila kamu tiada di rumah (menjalankan tugas) ia memelihara harta mu dan dirinya."*<sup>(14)</sup>

Jelas menunjukkan bahawa isteri dapat membantu kepada pemeliharaan rohani dan jasmani suami dan dirinya sendiri. Ini adalah kerana isteri dapat mengeratkan rasa cinta dan kasih sayang suami. Layanan isteri juga selain dapat memberikan ketenteraman jiwa dan perasaan suami, dapat mengelakkan suami dari melakukan perkara-perkara yang terkeluar dari lunas-lunas syarak. Malah

Baginda s.a.w sendiri menggalakkan perkahwinan sebagai satu cara bagi memelihara tuntutan rohani dan jasmani seperti mana sabda baginda :

*" Wahai kaum pemuda ! Barangsiapa diantara kamu berkemampuan hendaklah ia berkahwin kerana ianya boleh menutup mata (dari pandangan liar) dan boleh mengawal kemaluan. dan barangsiapa yang tidak berkemampuan hendaklah ia berpuasa, sebab puasa itu boleh melemahkan tekanan nafsu"*<sup>(15)</sup>

Dengan ini tidak perlu dipertikaikan lagi bahawa sememangnya perkahwinan dapat mengawal rohani dan jasmani pasangan yang berkahwin. Selain dari itu ia juga adalah sebagai nikmat yang diperolehi dalam alam rumah tangga.

### 1.2.3 Menanam Rasa Tanggung Jawab.

Ikatan perkahwinan akan menyatukan dua pihak yang pada asalnya hanya mempunyai tanggungan ke atas dirinya sahaja tetapi dengan perkahwinan kedua-dua pihak akan mempunyai tanggung jawab masing-masing di dalam rumah tangga. Setiap pihak harus menjalankan tanggung jawab mereka bagi memastikan keluarga yang dibina akan sentiasa berjalan di atas lunas-lunas syariah. Selain dari itu perlaksanaan tanggung jawab akan menjamin wujudnya sebuah keluarga bahagia, aman, damai dan diredayai Allah<sup>(16)</sup>

Setiap suami dan isteri mempunyai tanggung jawab masing-masing didalam menjalani kehidupan berumah tangga . Tanggung jawab dalam perkahwinan ini akan dapat mendidik jiwa, membersihkan hati dan memperkuatkan peribadi

seseorang. Ini adalah kerana ia terpaksa mendisiplinkan dirinya sebagai seorang suami atau isteri dalam melaksanakan kewajipan-kewajipan dan tanggung jawab berkeluarga.<sup>(17)</sup> Selain dari itu perkahwinan adalah merupakan amanah dari Allah S.W.T yang wajib dijaga dan disempurnakan dengan sebaik mungkin. Perkahwinan juga mengajar para suami dan isteri agar sentiasa bersifat jujur, amanah, bertolak ansur dan bertimbang rasa. Sifat-sifat ini sememangnya perlu wujud di dalam sesebuah rumah tangga, tetapi tanpa adanya rasa tanggungjawab antara satu sama lain adalah mustahil para suami dan isteri akan sentiasa bersifat sedemikian.

Islam juga seterusnya telah menekankan bahawa perkahwinan dapat mengajar para suami dan isteri melaksanakan syariat dan ajaran Islam untuk dijadikan panduan dalam hubungan kekeluargaan dan urusan rumah tangga. Dengan berdasarkan panduan ini perkahwinan dapat memaksa seseorang suami supaya menjadi orang yang lebih bertakwa kerana peranannya sebagai suami yang memimpin keluarganya. Manakala isteri dan anak-anak menjadi makmum kepada keluarga yang bertakwa.<sup>(18)</sup>

Oleh yang demikian dengan perkahwinan maka setiap suami dan isteri akan secara langsung berhadapan dengan tanggungjawab yang berat dan besar iaitu menwujudkan sebuah keluarga bahagia yang mendapat rahmat dan keredaan Allah S.W.T. Tanggung jawab ini pula adalah merupakan sebesar-besarnya penghormatan kepada mereka kerana jika mereka berjaya maka ganjarannya adalah kebahagian hidup di dunia dan akhirat.

### **1.3 Hak Dan Tanggung Jawab Suami Isteri**

Pembinaan rumah tangga bahagia tidak akan tercapai tanpa adanya penglibatan setiap suami dan isteri dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Adalah sukar untuk digambarkan bahawa sebuah rumah tangga yang terbina atas dasas perkahwinan akan berjaya dengan hanya mengharapkan salah satu pihak sahaja yang melaksanakan tanggungjawab. Ini adalah kerana konsep perkahwinan itu sendiri telah membawa maksud hidup bekerjasama di antara suami dan isteri atau pertemuan di antara dua individu ke arah hidup bersama.<sup>(19)</sup> Demi kepentingan keharmonian rumah tangga dan bagi memastikan setiap rumah tangga yang didirikan itu berlandaskan dasar-dasar syariah, Islam telah menggariskan beberapa hak dan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh suami isteri. Setiap pihak mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu disempurnakan oleh pihak yang satu lagi. Selain dari itu terdapat juga beberapa tanggungjawab yang perlu dipikul bersama oleh kedua-dua pihak dalam hubungan suami isteri dan kekeluargaan.

#### **1.3.1 Hak Dan Tanggungjawab Suami.**

Suami sebagai ketua dalam keluarga memainkan peranan yang besar dan mempunyai tanggungjawab yang berat. Peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh suami ini adalah berdasarkan kepada fungsinya yang menjadi imam dan pengasas kepada pembentukan keluarganya. Suami mempunyai tanggungjawab untuk memimpin isteri dan anak-anaknya, yang menjadi amanah Allah S.W.T.

Maka adalah menjadi kewajipan kepada setiap suami untuk memikul amanah ini dengan sempurna dan melaksanakannya dengan jujur, amanah dan ikhlas.<sup>(20)</sup>

Pemilihan suami oleh Islam untuk memikul tanggungjawab ini adalah kerana sifat-sifatnya yang dianugerahkan oleh Allah adalah amat sesuai untuk menanggung beban kepimpinan rumah tangga yang amat berat. Dengan sifat kelelakian ini maka adalah wajar bagi suami terhadap tanggungjawab mengendalikan rumah tangga, mengawal dan menjaga rumah tangga serta anggotanya dari dicerob.<sup>(21)</sup> Allah S.W.T sendiri telah menegaskan peranan ini dalam firmanNya :

*" Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertangungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana itu Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan ) atas orang-orang perempuan.*<sup>(22)</sup>

Ini menjelaskan bahawa kekuasaan tertinggi di dalam sebuah keluarga adalah terletak di tangan lelaki. Bagaimana pun ini adalah merupakan kelebihanya dalam keupayaan untuk memikul tanggungjawab yang berat, kerana ia tidak pula bermakna bahawa kaum lelaki adalah lebih mulia dari kaum lain dengan kelebihan itu. Malah apa yang dimaksudkan adalah sekadar satu kaum yang telah diberikan tanggungjawab oleh Allah di dalam soal-soal kepimpinan termasuklah kepimpinan rumah tangga.<sup>(23)</sup>

Dengan kelebihan yang diberikan itu maka suami diberikan tanggungjawab untuk memimpin keluarganya. Oleh itu seseorang suami bukan sahaja bertanggungjawab dalam soal-soal nafkah, pakaian dan tempat tinggal, malahan ia juga bertanggungjawab dalam kepimpinan kerohanian. Ini menjadikannya bertanggungjawab untuk memimpin keluarganya ke arah keluarga yang bertanggungjawab dan beramal dengan lunas-lunas syarakj,<sup>(24)</sup> berdasarkan kepada firman Allah :

*"Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka"*<sup>(25)</sup>

Secara langsung dalam menjalankan peranan pemimpin ini suami adalah bertanggungjawab untuk mendidik anggota keluarganya ke jalan yang diredayai Allah. Bagi maksud ini adalah menjadi tanggungjawab suami untuk mengajarkan agama Islam kepada keluarganya khususnya dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan fardhu ain. Para suami tidak akan terlepas dari tanggungjawab ini. Walaupun mereka tidak mampu untuk mengajar ahli keluarganya, ia masih menjadi kewajipan mereka untuk membenarkan ahli keluarganya menuntut ilmu agama Islam kepada guru-guru yang berkebolehan ataupun mengundang guru-guru itu ke rumah.<sup>(26)</sup>

Suami juga adalah bertanggungjawab untuk mewujudkan hubungan yang mesra dengan isterinya. Ini adalah kerana isteri adalah merupakan amanah dari Allah S.W.T. Maka, adalah menjadi kewajipan kepada suami untuk sentiasa memberikan

layanan yang baik serta bergaul dengan isterinya secara makruf, iaitu dengan cara yang baik dan diredai Allah.<sup>(27)</sup> Sesorang suami perlu pandai untuk mengambil hati isterinya dengan melakukan perkara-perkara yang disenangi selagi tidak meyimpang lunas-lunas syarak, bersikap lemah lembut, men hormati diri dan keluarganya serta bertolak ansur dalam perhubungan . Firman Allah :

*"dan pergaulilah mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan baik."<sup>(28)</sup>*

dan sabda Rasullulah s.a.w

*" Sebaik-baik kamu adalah yang terbaik terhadap isterinya. Aku adalah yang terbaik dianugerahkan kamu terhadap istri. Tidaklah menghormati perempuan kecuali lelaki yang mulia dan tidak pula menghinanya kecuali lelaki yang hina."*<sup>(29)</sup>

telah menitik beratkan kepada cara-cara pergaulan dan hubungan yang perlu diwujudkan diantara suami isteri. Ini juga menjelaskan bahawa suami bertanggungjawab untuk mengadakan hubungan yang baik dengan isterinya. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini suami haruslah sentiasa pandai menghiburkan dan menyenangkan hati isterinya setakat kemampuannya samada berupa permainan, rekreasi atau sebagainya selagi tidak terkeluar dari landasan Islam. Suami juga harus pandai berbicara dengan menggunakan bahasa yang lembut dan sopan terhadap isterinya. Kata-kata yang menyenangkan ini akan boleh mempengaruhi jiwa isteri-isteri untuk melakukan perkara-perkara yang baik.<sup>(30)</sup> Malah dengan cara ini akan lebih mudah untuk memberikan pengajaran dan contoh tauladan untuk diikuti oleh isteri. Suami juga seharusnya bersedia untuk mendengar kata-kata dan menghargai pendapat isterinya serta bersedia untuk melaksanakan pendapat itu sekiranya ia menghasilkan tindakan yang baik.

Adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab suami untuk memastikan ahli keluarganya sentiasa mendapat kasih sayang dan perhatian yang sewajarnya. Hubungan kekeluargaan hendaklah dibina atas dasar rasa kasih sayang dan mencintai sesama anggota keluarga dengan jalinan rasa hormat menghormati antara satu sama lain. Allah sendiri telah menggambarkan sifat kasih sayang ini dalam firmannya:

*"Dan Dia jadikan diantara kamu rasa kasih sayang"*<sup>(31)</sup>

Curahan kasih sayang suami kepada isteri, anak-anak dan ahli keluaganya adalah merupakan tuntutan syarak.<sup>(32)</sup> Tanpa adanya kasih sayang dan rasa hormat menghormati antara anggota keluarga di dalam sesebuah rumah tangga akan merenggangkan perhubungan, menimbulkan ketidak stabilan rumah tangga dan seterusnya akan menyebabkan kemusnahan rumah tangga tersebut.

Selain dari itu suami juga bertanggungjawab untuk mewujudkan hubungan kekeluargaan yang berdasarkan perasaan ingin memberi dan menerima, bertolak ansur, kasihan mengasihani, percaya mempercayai dan tolong menolong ke arah jalan yang direddai Allah seperti mana firmanNya,

*"Saling menyayangi di antara mereka"*<sup>(33)</sup>

Baginda Rasullullah juga telah menggambarkan ikatan yang wujud dari perasaan kasih sayang itu seperti dalam sabdanya ;

*"Perumpamaan orang-orang yang beriman dalam hal saling menyintai dan saling menyintai dan*

*saling menyayangi diantara mereka ialah seperti satu tubuh badan*"<sup>(34)</sup>

Adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan suami menyemaikan konsep ini di dalam keluarganya serta mengelakkan dari melakukan kezaliman, aniaya dan perbuatan-perbuatan yang menyakitkan isteri serta keluarganya dari sebarang bentuk kemudaratan samada dalam perbuatan, perkataan ataupun tulisan.<sup>(35)</sup> Baginda Rasullulah sendiri telah menekankan perkara ini di dalam sabdanya :

*"Kamu beri makanan apabila kamu makan, kamu beri pakaian apabila kamu berpakaian. Jangan kamu mencela dan jangan pula kamu mendiamkan kecuali di dalam rumah.*<sup>(36)</sup>

Demi menjalankan tanggungjawab ini suami hendaklah melindungi isteri dan keluarganya dari segala bentuk penecerobohan dan ancaman kehormatan, keselamatan dan keamanan mereka. Oleh kerana pentingnya kewajipan ini Allah memberikan ganjaran mati syahid bagi suami yang terkorban dalam mempertahankan hak ini. Manakala kecuaian dalam melaksanakan kewajipan ini adalah bacul.<sup>(37)</sup>

Tanggungjawab suami seterusnya ialah memberi nafkah, tempat tinggal, pakaian dan sebagainya yang menjadi keperluan kepada isteri dan keluarganya.<sup>(38)</sup> Ini adalah berdasarkan kepada sifat suami yang menjadi ketua atau penaung kepada keluraganya, olch yang demikian ia berkewajipan untuk menyediakan scgala macam yang menjadi keperluan terhadap tanggungannya setakat kemampuannya.

Allah S.W.T. telah memberikan tanggungjawab ini sebagai suatu kewajipan seperti mana dalam firmanNya ;

*" Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan oleh Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban terhadap seseorang melainkan (sekadar ) apa yang Allah berikan kepadanya."*<sup>(39)</sup>

Rasulullah s.a.w juga telah menggariskan tanggungjawab ini seperti yang disebutkan dalam sabda baginda;

*" Engkau beri makanan apabila kamu makan, kamu beri pakaian apabila kamu berpakaian. Jangan kamu mencela dan jangan pula kamu mendiamkan kecuali di dalam rumah.*<sup>(40)</sup>

dan dalam hadis lain baginda bersabda yang bermaksud;

*"ketahuilah, hak isteri terhadap kamu(suami) ialah kamu beri dia pakaian dan makanan."*<sup>(41)</sup>

Kewajipan memberi nafkah ini adalah tetap menjadi tanggungjawab seseorang suami walaupun isterinya mempunyai harta atau pekerjaan. Sebaiknya sebarang sumbangan dari isteri dalam segala perbelanjaan rumah tangga adalah merupakan sedekah dari isterinya semata-mata.<sup>(42)</sup>

Selain berkewajipan untuk melaksanakan tanggungjawab di atas terdapat beberapa tanggungjawab lain yang perlu dijalankan oleh suami. Antaranya ialah